



20 SEP, 2024

## 11 kenderaan import bernilai RM3.69j dirampas

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

### 11 kenderaan import bernilai RM3.69j dirampas

**Klang:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah II (Selangor) merampas kereta mewah, dadah, minuman keras, cecair nikotin dan televisyen bernilai RM6.37 juta dalam operasi berasingan di sekitar Pelabuhan Barat dan Utara dekat sini serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah JKDM Zon Tengah Norlela Ismail berkata, menerusi Ops Longkai 2024 yang dijalankan pada Julai dan Ogos lalu, sebanyak 11 kenderaan import pelbagai jenis bernilai RM3.69 juta dirampas hasil serbuan ke atas gudang penyimpanan kenderaan di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat.

Beliau berkata, pemeriksaan awal mendapati semua kenderaan berkenaan dipercayai diimport dari negara Eropah dan Asia disimpan selama empat tahun dan pihak gudang serta pengimport gagal mengemukakan permit import daripada Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Miti).

"Kenderaan import barang larangan, importnya dibenarkan dengan syarat mempunyai lesen import daripada Miti di bawah Butiran 3, Bahagian I, Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023," katanya.

Dalam kes berasingan, Norlela berkata, JKDM turut merampas empat

bungkusan disyaki mengandungi dadah jenis ganja seberat 1,767 gram bernilai RM13,955 di Pusat Mel dan Kurier KLIA yang diikrar sebagai Chinese tea, Thai tea, premium Thai tea dan cenderamata.

"Hasil pemeriksaan terhadap empat bungkusan kurier itu menemukan dadah dipercayai jenis ganja. Dagangan telah disita dan dibawa balik ke Pejabat Kastam Pelabuhan Utara untuk siasatan lanjut," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Selain itu, JKDM menerusi pemeriksaan berasingan tiga buah kontena di Pelabuhan Utara pada 2 dan 4 September menemukan minuman keras bernilai RM1.15 juta dan cecair nikotin seberat 13,100 kilogram bernilai RM1.31 juta.

Norlela berkata, hasil pemeriksaan mendapati kedua-dua barangan terbabit tidak mempunyai permit import.

"Bagi kes minuman keras, dagangan diikrarkan sebagai Mirror Cabinet and Accessories di dalam *manifest* manakala cecair nikotin diikrarkan sebagai *disinfectant* bagi mengaburi JKDM," katanya.

Norlela berkata, pihaknya turut merampas 934 unit televisyen bernilai RM200,343 kerana tidak mempunyai permit import setelah pemeriksaan dilakukan ke atas sebuah kontena di Pelabuhan Barat pada 5 September.



NORLELA (kiri) bersama kenderaan yang dirampas di Pejabat Kastam Selangor Pelabuhan Utara.



20 SEP, 2024

## 11 kenderaan import bernilai RM3.69j dirampas

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

Klang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah II (Selangor) merampas kereta mewah, dadah, minuman keras, cecair nikotin dan televisyen bernilai RM6.37 juta dalam operasi berasingan di sekitar Pelabuhan Barat dan Utara dekat sini serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), baru-baru ini. Penolong Ketua Pengarah JKDM Zon Tengah Norlela Ismail berkata, menerusi Ops Longkai 2024 yang dijalankan pada Julai dan Ogos lalu, sebanyak 11 kenderaan import pelbagai jenis bernilai RM3.